

DATE: 18/09/2007

Isu Palestin perlu elak hanya sokong Israel: PM

Amerika kena jadi pengantara jujur untuk cari penyelesaian adil

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, isu Palestin yang menjadi isu paling besar menyebabkan jurang antara dunia Barat dan Islam semakin meluas, tidak ditangani oleh pengantara yang jujur.

Perdana Menteri berkata, walaupun isu itu tidak diketepikan, cara ia ditangani lebih banyak memihak kepada Israel.

"Banyak berpendapat jika Amerika Syarikat benar-benar mahu menjadi 'broker' (pengantara) yang adil, mereka akan berjaya. Israel sentiasa berpegang kepada beberapa perjanjian dicapai sebelum ini," katanya dalam temu bual dengan stesen televisyen, *Australia Network*, menerusi program *Asia Pacific Focus* yang disiarkan, semalam.

Petikan temu bual itu diperoleh

“Banyak perkara buruk berlaku di Palestin dan isu itu satu lagi perkara yang menimbulkan kekecewaan dan kemarahan umat Islam, termasuk golongan sederhana”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Bernama semalam. Perdana Menteri berada di Australia, minggu lalu untuk menghadiri sidang kemuncak Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Sydney.

Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam berkata, banyak perkara buruk berlaku di Palestin dan isu itu satu lagi perkara yang menimbulkan kekecewaan dan kemarahan umat Islam, termasuk golongan sederhana.

Kepada soalan pengacara program itu, Helen Vatsikopolous, Perdana Menteri berkata, beliau bersetuju jika Amerika Syarikat memberi lebih tumpuan terhadap usaha menyelesaikan krisis Palestin-Israel, hubungan antara dunia Islam dan Barat akan bertambah baik.

Mengenai masalah di Iraq, Abdullah berkata, sudah tiba masanya ten-

tera asing yang diketuai Amerika Syarikat meninggalkan negara itu dan membiarkan rakyat Iraq menentukan sendiri masa depan mereka.

"Saya tahu Iraq bukannya sesuatu yang mudah ditangani, tetapi rakyat Iraq perlu bersatu dan bukannya berperang sesama sendiri, supaya mereka lebih bersedia untuk mengambil alih pentadbiran kerajaan dan menentukan masa depan mereka.

"Sama ada, apabila tentera keluar akan berlaku pertumpahan darah, atau apabila tentera asing keluar, rakyat Iraq dapat mengurus dan menyelesaikan segala masalah, masa depan Iraq terletak di tangan mereka," katanya.

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai Islam Hadhari dengan menjelaskan ia mengutamakan keadilan. - Bernama